

03 NOV 1998

Halim-Cuti

KERAJAAN TIADA CADANGAN TETAPKAN KERJA LIMA HARI SEMINGGU

KUALA LUMPUR, 3 Nov (Bernama) -- Kerajaan belum bercadang menetapkan hari bekerja kakitangan perkhidmatan awam kepada lima hari seminggu buat masa ini, kata Ketua Setiausaha Negara Tan Sri Abdul Halim Ali.

Katanya, cuti satu hari Sabtu setiap bulan yang diumumkan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semasa membentangkan Belanjawan 1999 bulan lepas sudah mencukupi.

"Cuti satu hari (Sabtu) adalah perkembangan besar. Kita tengoklah dulu macam mana keadaannya," kata beliau ketika diminta mengulas permintaan Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja Di Dalam Perkhidmatan Awam (Cuepacs) agar kakitangan sektor awam diberi insentif sebagai ganti bonus 1998 dan penetapan kerja lima hari seminggu.

Cuepacs meminta kerajaan menyediakan insentif bagi meringankan beban kewangan kakitangan awam berikutan keputusan kerajaan tidak memberi bonus.

Bercakap kepada pemberita selepas merasmikan Program Pengurusan Tertinggi Komanwel di sini hari ini, Halim berkata Cuepacs boleh membuat rayuan tetapi kerajaan telahpun mengumumkan keputusannya semasa pembentangan belanjawan.

"Saya belum terima rayuan itu secara rasmi. Buat masa ini, keputusannya adalah sama seperti yang diumumkan semasa Belanjawan dan tiada pindaan," kata beliau.

Halim juga berkata keputusan Sabtu mana yang akan ditetapkan sebagai cuti setiap bulan akan diumumkan secepat mungkin kerana ia akan dilaksanakan bulan Januari ini.

Katanya, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) sedang mengkaji implikasinya dan kerajaan akan mengambil kira pandangan semua pihak, termasuk Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Datuk Seri Sabbaruddin Chik.

Sabbaruddin mencadangkan hari Sabtu pertama pada setiap bulan ditetapkan sebagai cuti kerana ia sesuai dari segi pelancongan dan setiap orang mempunyai wang belanja pada awal bulan.

"Kita masih mengkaji sama ada Sabtu pertama atau terakhir...kita sedang tengok dan kaji kesesuaiannya," kata beliau.

Mengenai penglibatan kakitangan sektor awam dalam perhimpunan haram, Halim berkata setakat ini lebih kurang 70 orang telah dikenal pasti terlibat.

"Yang ditahan (oleh polis) dan didakwa adalah lebih kurang 70 orang. Jumlah yang dikenal pasti berubah-ubah kerana perkembangan baru apabila ada yang ditahan semula," kata beliau.

Halim berkata mereka akan dikenakan tindakan mengikut peraturan sedia ada.

Di MELAKA minggu lepas, Halim dilaporkan sebagai berkata tindakan disiplin terhadap kakitangan kerajaan yang terlibat dalam demonstrasi anti kerajaan hanya boleh diambil setelah mahkamah membuat keputusan.

-- BERNAMA

AR RI